

# PENILAIAN PASCA PESALAH PENYALAHGUNAAN DADAH TERHADAP AMALAN KEAGAMAAN INDIVIDU DAN IBU BAPA

## *EVALUATION ON RELIGIOUS PRACTICES OF DRUG ABUSE POST- OFFENDER INDIVIDUALS AND PARENTS*

Nik Muniyati Nik Din<sup>1</sup>  
Wan Nazihah Wan Mohamed<sup>2</sup>  
Zanirah Mustafa@Busu<sup>3</sup>  
Mohd Khairul Anwar Ismail<sup>4</sup>  
Mohd Nazri Mat Zin<sup>5</sup>

<sup>1,3,4,5</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan Branch, Malaysia, (E-mail: nikmuniyati@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan Branch, Malaysia, (Email: wnazihah@uitm.edu.my)

### Article history

Received date : 5-9-2022  
Revised date : 6-9-2022  
Accepted date : 4-11-2022  
Published date : 10-11-2022

### To cite this document:

Nik Din, N. M., Wan Mohamed, W. N., Mustafa@Busu, Z., Ismail, M. K. A., & Mat Zin, M. N. (2022). Penilaian Pasca Pesalah Penyalahgunaan Dadah Terhadap Amalan Keagamaan Individu Dan Ibu Bapa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 75 - 84.

**Abstract:** *Kehidupan tanpa beragama tidak akan membawa kearah kebaikan dan kesempurnaan. Agama amat penting dalam menentu tahap akhlak dan keperibadian seseorang. Syeikh Yusuf al-Qardhawi menegaskan bahawa syariah Islam adalah suatu ketetapan hukum oleh Allah S.W.T dalam semua aspek yang berkaitan dengan pelbagai urusan kehidupan manusia demi merealisasikan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh itu, amalan agama amat berperanan dalam pembinaan sesebuah tamadun manusia lebih-lebih lagi untuk membangunkan para belia yang menjadi tunggak pembangunan masa depan negara. Walau bagaimanapun, dengan berlakunya pelbagai permasalahan sosial dalam kalangan belia di negara ini, usaha Malaysia untuk menjadi salah sebuah negara terbaik dunia pada 2050 tentunya menjadi sukar. Kajian ini bertujuan membandingkan amalan agama yang dilaksana pasca penjara dalam kehidupan seharian mereka sebelum dan selepas menjalani hukuman serta menilai persepsi responden terhadap amalan keagamaan ibu bapa mereka dalam mempengaruhi kehidupan seharian. Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan secara rawak berstrata melibatkan 86 sampel daripada kalangan peserta Fitrah Suci yang berusia antara 19 hingga 75 tahun yang masih berada di dalam tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA). Data dianalisis menggunakan SPSS versi 20. Hasil kajian mendapati majoriti responden bersetuju bahawa program Fitrah Suci memberi kesan terhadap pengamalan ibadah mereka. Setiap pengisian yang dilaksanakan telah meningkatkan amalan ibadah mereka seperti solat, puasa, pengajian Al-Quran serta amalan-amalan ibadah yang lain. Hasil kajian juga mendapati responden mempunyai persepsi bahawa amalan keagamaan yang sering dilaksana ibu bapa serta menegur anak-anak ketika melakukan kesalahan menjadi asas peringatan kepada pesalah untuk menjalani ibadah keagamaan.*

**Kata kunci:** *Pasca Penjara, Fitrah Suci, Amalan Agama, Akhlak*

**Abstract:** *Life without religion will not lead to goodness and perfection. Religion is very important in determining the level of morals and personality of a person. Sheikh Yusuf al-Qardawi asserted that Islamic shariah is a legal decree by Allah S.W.T in all aspects related to various matters of human life in order to realize happiness in this world and the hereafter. Therefore, religious practices play a very important role in building human civilization especially in developing the youth who are the pillars of the country's future development. However, with the occurrence of various social problems among the youth in this country, Malaysia's efforts to become one of the best countries in the world in 2050 will certainly become difficult. This study aims to compare the religious practices carried out by post-prisoners in their daily lives before and after serving the sentence and to evaluate the respondents' perception of their parents' religious practices in influencing their daily lives. The sample in this study was randomly selected in a stratified manner involving 86 samples among Fitrah Suci participants aged between 19 and 75 who are still in custody at the Moral Rehabilitation Center (PPA). The data was analysed using SPSS version 20. The results of the study found that majority of the respondents agreed Fitrah Suci program had an impact on their religious practices. The activities of the program have increased their religious practices such as performing prayer, fasting, reciting the Quran and others. In addition, the study's analysis on the parents' religious practices revealed that the respondents have the perception their parents often remind them to pray and reprimand their children when they make mistakes.*

**Keywords:** *Post-prisoners, Fitrah Suci, Religious Practices, Morals*

## **Pengenalan**

Amalan beragama adalah jalan utama dalam membimbing, mengawal serta mengubah sikap dan tingkah laku seseorang kerana di dorong oleh perasaan takut dan taat kepada Allah (Md Zawawi et al., 2022). Ia juga bertindak sebagai pemandu kehidupan terhadap dirinya serta pendorong dalam memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara (Ahmad Zaidi et al., 2015). Pendekatan ini berasaskan kepada perintah Allah untuk mengikuti segala suruhan agama serta menjauhi segala larangannya. Walau bagaimanapun, ibu bapa dan keluarga adalah antara elemen yang penting dalam mempengaruhi akhlak seseorang individu (Yakcop, 2017).

Bersandarkan kepada data kemasukan banduan ke Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang dari tahun 2015 hingga 2020, tahap peningkatan kes berulang di kalangan banduan adalah sangat membimbangkan. Menurut laporan, kemasukan banduan ke PPA dari tahun 2015-2020 adalah antara 67 hingga 183 orang setahun malah kekerapan kes residivis (pelaku jenayah yang melakukan kesalahan jenayah berulang kali yang telah menjalani hukuman penjara dan kembali melakukan jenayah) adalah antara 2-10 kali (*Data Kemasukan Banduan ke PPAK 2020*, 16 Februari 2020.).

**Jadual 1: Purata Kemasukan Banduan ke PPAK Machang (2015-2020)**

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah kemasukan	1280	1347	1530	1690	1780	1910
Umur (tahun)	20 - 70	20 - 65	20 - 70	20 - 65	20 - 65	20 - 70
Kekerapan masuk (bilangan)	2 - 6	2 - 8	2 - 8	2 - 10	2 - 9	2 - 10
Jenis hukuman	12(2), 15(1). 39(a)	12(2), 15(1). 39(a)	12(2), 15(1). 39(a)	12(2), 15(1). 39(a)	12(2), 15(1). 39(a)	12(2), 15(1). 39(a)
KESIMPULAN	Peningkatan berlaku pada setiap tahun antara 67-183 orang setahun					

Kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis tahap amalan keagamaan pesalah penagih dadah sebelum dan selepas menjalani hukuman, mengkaji keberkesanan program Fitrah Suci dalam mempengaruhi mereka untuk meningkatkan amalan-amalan agama serta menilai persepsi responden terhadap amalan keagamaan ibu bapa mereka.

Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk:

1. Menganalisis amalan aktiviti keagamaan responden sebelum dan selepas hukuman
2. Menilai persepsi responden terhadap amalan keagamaan ibu bapa mereka.

### Sorotan Literatur

Pendidikan Islam amat penting dalam menguatkan serta membantu seseorang untuk mengguna dan mengamalkan ilmu yang diperolehi dalam kehidupan harian. Antara keutamaan yang perlu dititikberatkan ialah penghayatan dan amalan nilai-nilai murni. Kurangnya didikan dan pengetahuan agama menjadi punca utama berlakunya perbuatan jenayah di kalangan para banduan selain dari faktor-faktor lain seperti ketidakstabilan sosio-ekonomi dan tekanan gaya hidup moden. Dengan perlaksanaan amalan agama, ia boleh membantu mengawal seseorang individu daripada terlibat dengan unsur salah laku, disiplin dan jenayah. Amalan agama ini adalah berkaitan dengan akidah, amalan solat, membaca Al-Quran dan sebagainya (Yakcop, 2017). Pendidikan Islam dapat membentuk dan melahirkan manusia yang seimbang dari sudut intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial yang bertepatan dengan ajaran Islam (Zulhilmi, 2020). Kesedaran ini akan mengawal tingkahlaku seseorang dari melakukan perlakuan negatif, malah memberikan kesedaran untuk turut memberi sumbangan positif kepada masyarakat dan negara (Zulhilmi, 2020; Ahmad Zaidi et al., 2015). Aktiviti kerohanian adalah cara mendekatkan diri kepada Allah dan turut menyumbang kepada pembentukan kerohanian dan disiplin (Sharifah Nooraida & Sharifah Fatimah, 2011).

### **Kesan Didikan Ibu Bapa**

Kawalan ibu bapa ke atas anak-anak adalah amat penting (Ahmad Zaidi et al., 2015). Selain kawalan, sokongan ibu bapa dapat membentuk sahsiah diri yang lebih baik serta mempertingkatkan perkembangan psikologi remaja (Ahmad Zaidi et al., 2015). Ini adalah kerana semakin kuat ikatan ibu bapa seperti memberikan kasih sayang kepada anak-anak, maka semakin kurang berlakunya tingkah laku yang negatif di kalangan mereka (Ahmad Zaidi et al., 2015; Sidek, 2007).

Inisiatif pembangunan negara Transformasi Negara 2050 (TN50) telah dilancarkan dengan sasaran bahawa Malaysia akan menjadi antara 20 negara terbaik di dunia pada tahun 2050. Pelan ini merangkumi transformasi pendidikan negara, ekonomi, kesejahteraan, alam sekitar, teknologi, interaksi sosial rakyat dan tadbir urus dengan matlamat untuk membentuk sebuah negara yang berkaliber dengan pemikiran yang sangat baik. Namun begitu, aspek keagamaan dari segi nilai kemanusiaan, hormat sesama agama dan kesejahteraan rakyat perlu dititikberatkan di dalam mencapai inisiatif TN50 demi melahirkan generasi masyarakat yang bermoral. Beberapa kajian telah mengadaptasikan Teori Modal Sosial yang berdasarkan kerangka model King dan Furrow (2004) dengan mengaitkan elemen keagamaan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi aspek tingkah laku belia terhadap pembangunan modal insan serta kaitannya dengan pengamalan aktiviti agama. Teori Modal Sosial merangkumi hubungan belia dengan ibu bapa, rakan-rakan serta masyarakat sekeliling manakala model kerangka King and Furrow (2004) merangkumi agama sebagai sebahagian daripada aspek sosial yang mempengaruhi tingkah laku moral individu (Wan Nazihah et al., 2018; Sham & Yusof, 2015). Walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran keluarga sebagai agen kawalan sosial dalam kalangan remaja, pendekatan yang ideal untuk membentuk nilai moral adalah berdasarkan latar belakang agama keluarga yang mencorakkan keperibadian anak-anak dari kecil selain daripada kerjasama semua pihak sebagai mekanisme kebejatan moral remaja (Norhaida et al., 2015; Melvin & Shahlan, 2020).

Kesejahteraan keluarga adalah amat bergantung kepada kesejahteraan keluarga yang seterusnya melahirkan kesejahteraan masyarakat dan juga pembangunan negara (Siti Nabilah & Anuar, 2022). Kajian lepas menunjukkan ibubapa yang tidak menitik beratkan ilmu serta amalan hidup berasaskan agama akan menyebabkan anak-anak mudah terjebak kepada gejala sosial yang tidak baik (Nazneen et al., 2019). Penerapan agama dan amalan ibubapa yang diterapkan ke dalam diri anak-anak menjadikan mereka mampu berfikiran matang dan dapat menentukan sesuatu tingkah laku itu positif atau negatif. Selain itu, terdapat kajian yang menyentuh mengenai kepatuhan agama ibu bapa yang menjadi salah satu faktor keruntuhan akhlak remaja. Peranan ibu bapa sangat jelas untuk menjadi contoh dan tauladan kepada anak-anak dalam kepatuhan agama selain daripada mendidik dan mengajar kerana ia belum mencukupi jika tidak diamalkan sendiri oleh ibu bapa (Habibie et al., 2018).

### **Metodologi**

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dengan pengumpulan data yang diperoleh secara rawak. Responden terdiri daripada 86 pesalah penagih dadah dari Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang. Borang soal selidik dibina setelah diubahsuai berdasarkan kajian yang lepas di mana setiap item di dalam soal selidik tersebut diukur menggunakan skala Likert (1-5) iaitu dengan pilihan antara “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”. Pengumpulan data dilaksanakan setelah responden menjalani program Fitrah Suci yang dikendalikan oleh para penyelidik kajian ini.

Data yang diperoleh dari pengumpulan soal selidik seterusnya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) secara analisis deskriptif. Statistik deskriptif dilaksanakan untuk mengenalpasti kekerapan serta kecederungan responden memilih skala bagi setiap item yang diberi. Sebagai tambahan, analisis nilai min juga dilaksanakan untuk menilai tahap persepsi responden terhadap amalan keagamaan ibu bapa mereka.

### Analisis Kajian

Hasil kajian yang dijalankan melihat kepada tiga aspek iaitu latar belakang, amalan keagamaan responden sebelum dan selepas hukuman serta persepsi responden terhadap amalan keagamaan ibu bapa mereka.

### Profil Demografik

Merujuk kepada Jadual 2, kajian ini dilaksanakan kepada 86 orang responden yang terdiri daripada banduan Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang yang terlibat secara langsung di dalam program Fitrah Suci. Program ini telah dilaksanakan oleh pihak penjara dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Para responden telah mengikuti dan menjalani aktiviti yang telah ditetapkan mengikut modul yang telah dirangka selama 12 minggu mengikut jadual yang telah ditetapkan. Aktiviti program keagamaan ini meliputi ceramah, sesi motivasi, aktiviti dalam kumpulan dan sebagainya. Majoriti daripada responden terdiri dari kalangan belia yang berumur antara 18 hingga 29 tahun iaitu seramai 29 orang (33.7%) diikuti responden berumur 30-39 tahun dengan 25 orang (29.1%) manakala responden lain berumur 40 ke atas. Kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat menengah (SRP/PMR) iaitu seramai 31 orang, peringkat SPM 22 orang, sekolah rendah 24 orang, Sijil/STPM/Diploma 5 orang dan selebihnya tiada pendidikan formal iaitu seramai 3 orang manakala seorang responden pula mempunyai pendidikan di peringkat Ijazah/Sarjana/PhD. Analisis di Jadual 2 juga menunjukkan tahap pendidikan ibu dan bapa responden. Kebanyakan responden mempunyai ibu bapa yang hanya mempunyai pendidikan di peringkat sekolah rendah dengan bilangan 27 orang ibu (31.4%) dan 33 orang bapa (38.4%).

**Jadual 2: Analisis latar belakang responden**

Item	Ciri-ciri	Bilangan	Peratus (%)
Umur	18-29 tahun	29	33.7
	30-39 tahun	25	29.1
	40-49 tahun	22	25.6
	50-59 tahun	8	9.3
	60-69 tahun	1	1.2
	70 tahun ke atas	1	1.2
Tahap pendidikan responden	Tiada pendidikan formal	3	3.5
	Sekolah rendah	24	27.9
	Sekolah menengah (SRP/PMR)	31	36.0
	Sekolah menengah (SPM)	22	25.6
	Sijil/STPM/Diploma	5	5.8
	Universiti (Ijazah/Sarjana/PhD)	1	1.2

Item	Ciri-ciri	Bilangan	Peratus (%)
Tahap pendidikan ibu	Tiada pendidikan formal	24	27.9
	Sekolah rendah	27	31.4
	Sekolah menengah (SRP/PMR)	17	19.8
	Sekolah menengah (SPM)	10	11.6
	Sijil/STPM/Diploma	5	5.8
	Lain-lain	3	3.5
Tahap pendidikan bapa	Tiada pendidikan formal	23	26.7
	Sekolah rendah	33	38.4
	Sekolah menengah (SRP/PMR)	11	12.8
	Sekolah menengah (SPM)	15	17.4
	Sijil/STPM/Diploma	1	1.2
	Lain-lain	3	3.5

### Amalan Keagamaan Responden

Jadual 3 di bawah menunjukkan amalan aktiviti keagamaan responden sebelum dan selepas hukuman. Sebanyak 57 responden (66.3%) mengakui bahawa mereka tidak mengamalkan semua aktiviti keagamaan di dalam diri mereka sebelum menjalani hukuman. Hanya 3.5 peratus sahaja yang mengamalkan semua aktiviti keagamaan sebelum menerima hukuman. Peningkatan dapat dilihat oleh responden setelah menjalani hukuman, di mana 40 responden (46.5%) telah berubah dan mengakui telah mengamalkan semua aktiviti keagamaan dalam kehidupan seharian mereka. Peningkatan ini adalah satu perubahan yang sangat baik kepada mereka. Seterusnya, kajian melihat kepada pengamalan ibadah yang lain seperti solat lima waktu, amalan berpuasa dan pembacaan Al-Quran. Terdapat juga peningkatan amalan apabila dibandingkan sebelum dan selepas menjalani hukuman iaitu sebanyak 6.9 peratus terhadap amalan solat yang sempurna. Manakala bagi pengamalan ibadah solat dan berpuasa di bulan Ramadhan, terdapat peningkatan sebanyak 30.7 peratus berbanding sebelum menerima hukuman. Ini membuktikan bahawa program keagamaan yang dijalankan telah memberi kesan yang baik kepada responden setelah terdapatnya peningkatan amalan ibadah mereka.

**Jadual 3: Amalan aktiviti keagamaan responden sebelum dan selepas hukuman**

Item	Bilangan	Peratus (%)
Sebelum hukuman:		
Saya melaksanakan solat dengan sempurna	4	4.7
Saya berpuasa dengan sempurna di bulan Ramadhan	5	5.8
Saya berkemampuan membaca Al-Quran dengan baik	7	8.1
Saya sering membaca Al-Quran	5	5.8
Saya melaksanakan solat dan berpuasa di bulan Ramadhan dengan sempurna	5	5.8
Tidak mengamal semua aktiviti keagamaan	57	66.3
Mengamalkan semua aktiviti keagamaan	3	3.5



Item	Bilangan	Peratus (%)
Selepas hukuman:		
Saya melaksanakan solat dengan sempurna	10	11.6
Saya berpuasa dengan sempurna di bulan Ramadhan	1	1.2
Saya sering membaca Al-Quran	1	1.2
Saya melaksanakan solat dan berpuasa di bulan Ramadhan dengan sempurna	31	36.0
Mengamal semua aktiviti keagamaan	40	46.5
Tiada jawapan	3	3.5

### Amalan keagamaan ibu bapa responden

Jadual 4 menunjukkan analisis bagi persepsi responden terhadap amalan keagamaan ibu bapa mereka. Ini adalah penting kerana tahap amalan keagamaan ibu bapa dapat mempengaruhi sikap serta akhlak responden yang mungkin menjadi faktor untuk mereka terjebak di dalam tindakan yang tidak baik. Analisis mendapati nilai min tertinggi diperolehi untuk pernyataan bahawa responden mempunyai persepsi bahawa ibu bapa mereka sentiasa menegur anak-anak apabila melakukan kesalahan (nilai min 4.45). Ini diikuti dengan pernyataan bahawa ibu bapa sentiasa menjaga ibadah solat (nilai min 4.31) serta menitikberatkan penjagaan aurat di kalangan anak-anak mereka (nilai min 4.40). Seterusnya, responden bersetuju bahawa ibu bapa mereka mengawal pergaulan anak-anak dengan nilai min 4.20 dan sentiasa memantau aktiviti anak-anak dengan nilai min 4.02. Responden juga bersetuju bahawa ibu bapa mereka sering menjaga ibadat solat berjamaah di kalangan anak-anak (nilai min 3.79) serta menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai rutin harian ibu bapa mereka (nilai min 3.78). Walau bagaimanapun, nilai min terendah diperolehi untuk pernyataan bahawa responden mempunyai persepsi bahawa ibu bapa mereka sentiasa memenuhi kehendak anak-anak (nilai min 3.65).

**Jadual 4: Persepsi responden terhadap amalan keagamaan ibu bapa**

Item	Skala	Bilangan	Peratus	Nilai Min
Sentiasa menjaga ibadah solat	Sangat tidak setuju	3	3.5	4.31
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	8	9.3	
	Setuju	28	32.6	
	Sangat setuju	46	53.5	
Menjaga ibadat solat berjamaah di kalangan anak-anak	Sangat tidak setuju	4	4.7	3.79
	Tidak setuju	8	9.3	
	Tidak pasti	19	22.1	
	Setuju	26	30.2	
	Sangat setuju	29	33.7	
Mengingatkan anak-anak supaya melaksanakan solat	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.42
	Tidak setuju	2	2.3	
	Tidak pasti	5	5.8	
	Setuju	30	34.9	
	Sangat setuju	48	55.8	

Item	Skala	Bilangan	Peratus	Nilai Min
Meniktiberatkan penjagaan aurat dalam kalangan anak-anak	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.22
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	13	15.1	
	Setuju	34	39.5	
	Sangat setuju	37	43.0	
Bacaan Al-Quran menjadi rutin harian	Sangat tidak setuju	3	3.5	3.78
	Tidak setuju	9	10.5	
	Tidak pasti	18	20.9	
	Setuju	30	34.9	
	Sangat setuju	26	30.2	
Sentiasa memantau aktiviti anak-anak	Sangat tidak setuju	3	3.5	4.02
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	17	19.8	
	Setuju	35	40.7	
	Sangat setuju	30	34.9	
Mengawal pergaulan anak-anak	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.20
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	13	15.1	
	Setuju	36	41.9	
	Sangat setuju	35	40.7	
Sentiasa menegur anak-anak apabila melakukan kesalahan	Sangat tidak setuju	1	1.2	4.45
	Tidak setuju	1	1.2	
	Tidak pasti	5	5.8	
	Setuju	30	34.9	
	Sangat setuju	49	57.0	
Sentiasa memenuhi semua kehendak anak-anak	Sangat tidak setuju	2	2.3	3.65
	Tidak setuju	11	12.8	
	Tidak pasti	24	27.9	
	Setuju	27	31.4	
	Sangat setuju	22	25.6	

### Perbincangan Kajian dan Kesimpulan

Keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat merupakan nanah yang wajib ditangani oleh setiap individu dan masyarakat. Pelbagai kaedah dan modul telah banyak dilaksanakan oleh pihak penjara dalam memberikan pemulihan kepada para pesalah agar mereka kembali ke jalan yang benar dan menjadi anggota masyarakat yang baik. Kajian telah menunjukkan bahawa program pemulihan yang terbaik adalah melalui pendekatan agama (Sri Rahayu & Khadijah, 2016; Ambo et al., 2022) yang mana dengan kekuatan akidah dan pelaksanaan ibadah secara konsisten akan mempengaruhi tingkahlaku seseorang ke arah yang baik dan menepati ajaran agama (Siti Jamiaah et al., 2016). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa menjalani program keagamaan sepanjang banduan menerima hukuman telah banyak merubah kehidupan dan kesedaran mereka ke arah yang lebih baik. Antara amalan yang sangat diberikan penekanan



adalah amalan solat 5 waktu, solat berjamaah, membaca Al-Quran dan berpuasa (Maisarah et al., 2022). Ini membuktikan bahawa kaedah terbaik untuk memulih serta mengelak risiko *residivis* (pelaku jenayah yang melakukan kesalahan jenayah berulang kali) adalah dengan menekankan amalan keagamaan tersebut.

Selain itu, peranan ibu bapa dan keluarga juga tidak boleh diambil ringan kerana kajian mendapati antara faktor besar yang menyebabkan mereka terjebak adalah sikap ibubapa mereka yang tidak menghalang perbuatan bebas mereka sejak dari awal (Siti Nabilah & Anuar, 2022). Walaupun tidak dinafikan bahawa amalan keagamaan ibu bapa tidak mempengaruhi tingkahlaku anak-anak, ia adalah tanggungjawab yang penting bagi ibu bapa untuk memantau tindakan anak-anak serta mengutamakan amalan keagamaan anak-anak (Husein, 2016). Oleh itu, kajian ini adalah amat penting dalam meningkatkan lagi tahap kefahaman masyarakat terhadap faktor terjadinya salah laku di kalangan masyarakat hari ini dan peranan yang harus dimainkan oleh ibu bapa dalam mencegah keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat. Kajian terhadap kesedaran pembelajaran sepanjang hayat di kalangan masyarakat dalam pelbagai generasi harus sentiasa dilaksanakan untuk mencapai kesempurnaan keluarga Malaysia seperti yang ingin dicapai oleh kerajaan Malaysia kita hari ini (Jabatan Laut Malaysia, 2021; Muhammad Talhah et al., 2019; Wan Chik et al., 2017).

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan kerana memberi sokongan kewangan bagi penerbitan penyelidikan ini di bawah Dana Geran Dalaman bertajuk Pembangunan Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Berdasarkan Konsep Hifz-Deen untuk Pesalah Pasca Penyalahgunaan Dadah (No.600-TNCPI 5/3 DDN (03 (007/2020)). Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pemulihan Akhlak Machang kerana menyokong pelaksanaan kajian ini.

### Rujukan

- Ahmad Zaidi Johari, Mohd Izam Ghazali, & Alis Puteh (2015, 1 Disember). Faktor agama sebagai factor utama mengubah tingkah laku seorang banduan. *1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015)*, Melaka, pp. 222–225.
- Ambo, H., Mokhtar, S., & Thia, K. (2022). Penyalahgunaan dadah jenis syabu dalam kalangan masyarakat Islam di Sandakan, Sabah: Faktor dan langkah mengatasinya. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28), 281-295. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.728022>
- Data Kemasukan Banduan ke PPAK 2020. (2020, 16 Feb). Temuramah Mohd Fazlie Mat Yusoff, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Ketua Unit Agama Islam PPA Machang.
- Habibie Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad, & Nurul Hudani Md Nawawi (2018). Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pengasuhan anak dan remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18-24.
- Husein Husaini (2016). *Peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak*. <http://mpw2043syariahkias.blogspot.com/2017/03/peranan-ibu-bapa-dalam-mendidik-anak.html>
- Jabatan Laut Malaysia (2021). *Keluarga Malaysia*. <https://www.marine.gov.my/jlm/admin/assets/uploads/images/contents/20211008172718-638d0-ebookkeluargamalaysia.pdf>
- King, P. E. & Furrow, J. L. (2004). Religion as a resource for positive youth development: Religion, social capital, and moral outcomes. *Developmental Psychology*, 40(5), 703-713.
- Maisarah Saidin, Abdollah Salaeh, & Adnan Mohamed Yusoff (2022). Rawatan penagihan

- dadah melalui model terapi psikospiritual holistik : Kajian kes di Madrasah Anharul- U-Loom, Thailand. *Jurnal Hadhari*, 14(1). 17-29.
- Md Zawawi Abu Bakar, Siti Rozaina Kamsani, & Noor Azniza Ishak (2022). *Program Tazkiyah dalam Pemulihan Dadah: Perlaksanaan dan Impak (1st ed.)*. UUM Press.
- Melvin Anak Maxwell, & Shahlan Surat. (2020). Pengaruh latar belakang keluarga dan pencapaian akademik pelajar di SMK Bau. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 227–233. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd>
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Muhammad Na'im Iman Zulkifly, Mohamad Zaid Mohd Hussain, Ahmad Ezzuddin Mohamad, & Muhammad Afif Rosli (2019, Oktober). Kaedah dan ciri pendidikan dalam melahirkan sebuah keluarga yang sejahtera. In *Keluarga Sejahtera Negeri Johor: Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor*. pp. 1-22.
- Nazneen Ismail, Norul Huda Bakar, Mariam Abd. Majid, & Hasnan Kasan Bakar (2019). Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa institut Pengajian tinggi Islam di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 78-93.
- Norhaida Shaarani, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri, Nor Rosmawati Abdul Karim, Farah Mohd Shahwahid, & Haliyana Toton. (2015, 2 Nov.). Mengkaji hubungan sokongan ibubapa terhadap prestasi akademik pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah*, 472-483.
- Sham, F. M., & Yusof, S. (2015). Religiosity of Muslim adolescents from single parent families living in government-subsidised settlement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(2), 31–42. <https://doi.org/10.7187/gjat882015.05.02>
- Sharifah Nooraida Wan Hasan & Sharifah Fatimah Wan Jamel (2011). Tinjauan keperluan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih Muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10, 1–13.
- Sidek Baba (2007). Peranan sistem pendidikan dalam pembangunan keluarga Islam. Dalam *Keluarga Islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa*. MPH Group Publishing Sdn Bhd. 265-273.
- Siti Jamiyah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff, & Rozmi Ismail. (2016). Peranan program keagamaan terhadap pemulihan konsep sendiri banduan Wanita di Malaysia. *Afkar*, 18(2), 193–228.
- Siti Nabilah Mohd Fadli, & Anuar Puteh (2022). Pelaksanaan Tarbiyat al-Ruhiah di Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). *Al-Hikmah*, 14(1). 70-83.
- Sri Rahayu Dollah & Khadijah Mohd Hambali @ Khambali (2016). Konsep taubat menurut Islam dan Kristian. *Afkar*, 18(1), 43-90.
- Wan Chik, W. M. Y., Md. Ali, A. W., Mohamad, Z., Ramly, A. F., & Mohd Ghazalli, F. S. (2017). Pembinaan keluarga sejahtera: Analisis terhadap prinsip 'keluarga bahagia rakyat sejahtera' dalam transformasi Terengganu baharu. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 2(2), 306-318. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol2iss2pp306-318>
- Wan Nazihah Wan Mohamed, Nik Muniyati Nik Din, Nur Hafizah Ahmad Tajuddin, & Zaiton Mustapha (2018, May). Pengaruh Keagamaan Terhadap Pembangunan Moral Belia: Aplikasi Teori Modal Sosial. *Proceeding of International Conference on Islam and Global Issues (iCIGI2018)*, 202–207.
- Yakcop Jantan (2017). *Pengaruh pengetua, guru, ibu bapa, rakan sebaya dan penggunaan internet dalam membentuk kefahaman dan amalan sahsiah pelajar*. PhD thesis, University of Malaya.
- Zulhilmi Jaidin (2020). Kepentingan sokongan sosial dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah: Satu kajian sorotan literatur. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 8(2), 175–188.